
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**HKB 314 – Karya-Karya Terpilih Dari Kesusasteraan Amerika
Latin**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan, iaitu DUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

...2/-

Bahagian A

1. Dalam mengkaji 'Zaman Boom' di Amerika Latin, Shahnnon Ahmad telah menyenaraikan beberapa ciri pentingnya. Apakah ciri-ciri penting karya-karya yang dihasilkan dalam zaman ini?
2. Jorge Luis Borges dan Alejo Carpentier bereksperimen dengan waktu dalam cereka mereka. Dengan merujuk kepada karya tertentu oleh SALAH SATU daripada dua orang pengarang tersebut, perhatikan bagaimana mereka menyimpang daripada konsep 'waktu' konvensional, yang berbeza daripada pengarang lain.
3. Puisi Pablo Neruda dan Octavio Paz memperlihatkan beberapa persamaan dan perbezaan. Merujuk kepada beberapa buah sajak yang sesuai bincangkan perbezaan gaya dan tema yang anda lihat dalam karya-karya mereka.
4. Cara berfikir manusia sering menyeberang garis logika. Dalam cerpen Joao Gumaraes Rosa, 'Tebing yang Ketiga,' beberapa unsur ini telah mempersembahkan sebuah cerita yang luar biasa. Apakah unsur-unsur di seberang garis logika yang telah diterapkan pengarang?

Bahagian B

5. Dengan rujukan khusus kepada cerita "Yzur" oleh Leopoldo Lugones buktikan kesahihan pandangan Lindsay Moore, bahawa:

In magical realism, the supernatural is not displayed as questionable. While the reader realizes that the rational and irrational are opposite and conflicting polarities, they are not disconcerted because the supernatural is integrated within the norms of perception of the narrator and characters in the fictional world.

6. Apakah keunikan dan kekuatan teknik penceritaan yang digunakan dalam cerpen "Mengkarung" oleh Claudio de Castro dan "Museum of Vain Endeavours" oleh Christina Peri Rossi?
7. Apakah pandang dunia dan realiti masyarakat Amerika Latin yang dicerminkan dalam karya "Perang Aligator" oleh Horacio Quiroga?
8. Pengarang Amerika Latin sentiasa mempersembahkan "realiti kedua" yang merupakan realiti sebenar bagi masyarakat peribumi. Buktikan hal ini dengan merujuk kepada sebuah karya Cesar Vallejo.